



INTERNATIONAL RESEARCH JOURNAL
OF SHARIAH, MUAMALAT AND ISLAM
(IRJSMI)

www.irjsmi.com



TERJEMAHAN AL-'ISTI'ĀRAH AL-TAMTHĪLIYYAH DALAM
HADIS RASULULLAH S.A.W

THE TRANSLATION OF AL-'ISTI'ĀRAH AL-TAMTHĪLIYYAH IN THE 'AḤADĪTH
OF RASULULLAH S.A.W

Mohamad Syukri Abdul Rahman¹, Haji Mohammad Seman²

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Email: misyukri@kuis.edu.my

² Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Email: masman@um.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 18.07.2021

Revised date: 30.07.2021

Accepted date: 08.08.2021

Published date: 01.09.2021

To cite this document:

Abdul Rahman, M. S., & Seman, H. M. (2021). Terjemahan Al-'Istī'ārah Al-Tamthīliyyah Dalam Hadis Rasulullah S.A.W. *International Research of Shariah, Muamalat and Islam*, 3 (8), 01-20.

DOI: 10.35631/IRJSMI.38001.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Penterjemahan merupakan satu proses menyalin semula maklumat yang terkandung dalam teks sumber ke dalam sumber penerima sebagai penerangan, pentafsiran dan penjelasan. Bidang penterjemahan telah melalui proses pemodenan yang drastik selari dengan perkembangan sains dan teknologi. Kajian berkaitan terjemahan hadis masih belum memadai, tambahan pula perkembangan bahasa sentiasa berubah menurut perubahan semasa dan keperluan masyarakat terhadap hadis yang makin terserlah kerana adanya kesedaran agama yang kian bertambah. Selain itu kedudukan hadis Rasulullah s.a.w yang merupakan *jawāmi' al-kalim* mempunyai ciri-ciri bahasa yang istimewa dan tersendiri amat memerlukan kepada kepakaran dalam penterjemahan maksudnya. Kajian ini akan cuba menganalisis terjemahan *al-'Istī'ārah al-Tamthīliyyah* dalam beberapa hadis pilihan daripada kitab *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* dengan menggunakan metod kajian teks. Antara tujuan analisis tersebut adalah untuk melihat dengan lebih dekat metodologi penterjemahan *al-'Istī'ārah al-Tamthīliyyah* yang digunakan oleh penterjemah kitab *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* terbitan JAKIM. Dapatan kajian ini dapat dirumuskan bahawa penterjemah menterjemahkan matan hadis-hadis yang dikaji berdasarkan zahir nas tanpa menekankan aspek metafora *al-'Istī'ārah al-Tamthīliyyah* dan tujuan perumpamaan itu dibuat. Ia boleh dikategorikan sebagai terjemahan harfiah/literal. Dalam hal ini penulis berpandangan bahawa penterjemahan *al-'Istī'ārah al-Tamthīliyyah* dari bahasa sumber ke bahasa sasaran khususnya bahasa Arab ke bahasa Melayu perlu kepada penjelasan maksud dari sudut balaghah dengan menjelaskan tujuan perumpamaan itu dibuat agar para pembaca terjemahan tersebut dapat

memahami dengan jelas maksud yang tersirat. Penjelasan tersebut boleh dijadikan sebagai nota kaki pada setiap terjemahan berkaitan. Selain itu, pemahaman penterjemah tentang unsur metafora dalam budaya asal merupakan faktor penting bagi menghasilkan terjemahan yang bermutu. Diharap dapatan kajian ini akan menyumbang kepada perkembangan penterjemahan hadis di Malaysia dan membantu para pembaca terjemahan kitab *Riyāḍ al- Ṣāliḥīn* dalam memahami makna hadis dengan jelas.

Kata Kunci:

Penterjemahan, *Al- 'Isticārah al- Tamthīliyyah*, Hadis Rasulullah S.A.W

Abstract:

The translation is a process of copying information contained in the source text into the recipient's source as description, interpretation, and explanation. The field of translation has undergone a drastic process of modernization in line with the development of science and technology. Studies related to the translation of hadith are still insufficient. Furthermore, the development of language is constantly changing according to current changes and society's need for hadith which is becoming more prominent due to the increasing religious awareness. In addition, the position of the hadith of the Prophet SAW, which is jawamic al-kalim has a special and distinctive language feature that requires expertise in the translation of its meaning. This study will attempt to analyze the translation of al-'Isticārah al-Tamthīliyyah in some selected hadiths from the book *Riyāḍ al- Ṣāliḥīn* by using the method of textual study. Among the purpose of the analysis is to take a closer look at the translation methodology of al-'Isticārah al-Tamthīliyyah used by the translator of the book *Riyāḍ al- Ṣāliḥīn* published by JAKIM. The findings of this study can be concluded that the translator translates the content of the hadiths studied based on the text outwardly without emphasizing the metaphorical aspect of al-'Isticārah al-Tamthīliyyah and the purpose of the parable is made. It can be categorized as a literal translation. In this case, the author believes that the translation of al-'Isticārah al-Tamthīliyyah of the source language to the target language, especially Arabic to Malay necessary to explain the meaning of the balaghah to explain the purpose of the parable is made so that the readers of the translation be able to understand the implied meaning clearly. The explanation can be used as a footnote on each relevant translation. In addition, the translator's understanding of the elements of metaphor in the original culture is an important factor in producing a quality translation. It is hoped that the findings of this study will contribute to the development of hadith translation in Malaysia and help readers of the translation of the book *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* in understanding the meaning of hadith clearly.

Keywords:

Translation, *Al- 'Isticārah al- Tamthīliyyah*, Hadis of the Prophet SAW

Pendahuluan

Bahasa Arab merupakan medium bahasa kepada al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Ia merupakan bahasa yang unik dan terpelihara keasliannya serta merupakan bahasa pilihan Allah. Penterjemahan teks agama khususnya berkaitan al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW memerlukan kepada pengetahuan yang mendalam tentang agama, bahasa Arab (bahasa

sumber) dan bahasa Malaysia (bahasa sasar). Usaha ini dianggap mulia kerana ia memberi sumbangan yang besar dalam penyebaran ajaran Islam kepada masyarakat yang tidak menguasai bahasa Arab. Di Malaysia khususnya, gerakan penterjemahan hadith telah lama bermula sejak zaman Syeikh Daud al-Fathani dan zaman Syeikh al-Marbawi lagi. Bagi melihat perkara ini secara mendalam maka penulis cuba menganalisis terjemahan *al-'Isti'ārah al-Tamthīliyyah* dalam beberapa hadis pilihan daripada kitab *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* terjemahan JAKIM.

Definisi *Al-'Isti'ārah*

Al-'Isti'ārah Dari Segi Bahasa

'Ibn Manẓūr (1968: j.4, h.612) berdasarkan pandangan al-Lihya:ni: mendefinisikan *al-'Isti'ārah* dari segi bahasa dengan maksud pinjaman. Ini dapat dilihat pada huraian beliau tentang kalimah tersebut dalam *mu'jam Lisān al-'Arab* sebagaimana berikut :

(وَتَعَوَّرَ وَاسْتَعَارَ طَلَبُ الْعَارِيَّةِ وَاسْتَعَارَهُ الشَّيْءُ وَاسْتَعَارَهُ مِنْهُ طَلَبُ مَنْهُ أَنْ يُعِيرَهُ إِيَّاهُ هَذِهِ عَنِ اللَّحْيَانِيِّ).

Selain dari 'Ibn Manẓūr, 'Abd al-Rahmān Ḥasan al-Ḥabannakah al-Mīdānī (1996: j.2, h.229) juga mendefinisikannya dengan maksud pinjaman, iaitu meminta sesuatu untuk dimanfaatkan pada masa tertentu tanpa bayaran dengan syarat peminjam tersebut mengembalikannya kepada pemilik apabila tamat tempoh pinjaman atau apabila ia diminta oleh pemiliknya supaya dikembalikan. Definisi yang sama turut disepakati oleh Faḍl Ḥasan 'Abbās (1997: j.2, h.157) beliau mendefinisikan *al-'Isti'ārah* dengan maksud pinjaman, iaitu memindahkan sesuatu daripada seseorang kepada individu lain.

Selain dari itu, beliau mendefinisikan *al-'Isti'ārah* dengan maksud mengangkat dan mengubah (mengalih), contohnya ayat : *اسْتَعَارَ فُلَانٌ مِنْ كِنَانَتِهِ سَهْمًا* bermaksud “Fulan mengangkat dan mengalihkan panah daripada busarnya ke tangan”. Takrifan ini diperkukuhkan dengan sabda Nabi s.a.w. :

مَثَلُ الْمُنَافِقِ كَأَلْشَاةِ الْعَائِرَةِ بَيْنَ عَنَمَيْنِ

Maksudnya: Perumpamaan orang munafik seperti seekor kambing betina yang mengikuti dua ekor kambing jantan secara tidak konsisten terhadap salah satu daripada keduanya, bahkan ia sentiasa berubah.

(Muslim no. hadis 6992)

Al-'Isti'ārah Dari Segi Istilah

'Abd al-Rahmān Ḥasan al-Ḥabannakah al-Mīdānī (1996: j.2, h.229) mendefinisi *al-'Isti'ārah* dari segi istilah bermaksud penggunaan lafaz tertentu tanpa mengikut makna asal yang ditetapkan berpandukan kepada hubungan keserupaan sifat di antara makna asal dan makna kedua serta wujud *qarīnah* (kaitan) yang menghalang daripada penggunaan makna asal. Ia merupakan *Majāz* dari segi penggunaan bahasa dan merupakan *Tashbīh* yang hanya mempunyai salah satu daripada dua rukun utama, iaitu lafaz bandingan (*mushabbah*) dan lafaz yang dibandingkan (*mushabbahbih*). Ghāzī Yamūt (1995: h.239) menyatakan bahawa *al-'Isti'ārah* mempunyai banyak definisi dari segi istilah namun maksudnya secara umum merujuk kepada asas yang sama sebagaimana takrif di atas.

'Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī (2002: h.260) berpandangan bahawa *al-'Isti'ārah* mempunyai maksud yang lebih mendalam (*ablagh*) berbanding *Tashbīh* kerana penggunaan *al-Tashbīh* tidak dapat dipisahkan daripada dua rukun utama, iaitu lafaz bandingan (*mushabbah*) dan lafaz yang dibandingkan (*mushabbahbih*) sekalipun penggunaannya secara mendalam (*ablagh*). Ia membayangkan perbezaan di antara *mushabbah* dan *mushabbahbih*. Selain itu, ia menggambarkan hubungan di antara keduanya bersifat persamaan bukan bersifat penyatuan sebagaimana *al-'Isti'a:rat*.

Daripada perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa *al-'Isti'ārah* boleh dirujuk kepada metafora, iaitu pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan (sebagai perbandingan atau kiasan) Dewan Bahasa dan Pustaka (2005: h.1029..). Bagaimanapun masih terdapat perbezaan di antara *al-'Isti'ārah* dan metafora kerana *al-'Isti'ārah* hanya mempunyai salah satu daripada dua rukun utama *al-Tashbīh* (samada *al-mushabbah* atau *al-mushabbahbih*) dan tidak mempunyai rukun-rukun yang lain, manakala metafora pula mempunyai beberapa keadaan berikut:

- Samada ia mempunyai kedua-dua rukun tersebut atau salah satu daripadanya.
- Samada ia mempunyai wajah *al-shabah* atau tidak.

Dalam hal ini Abdullah Hasan dan Ainun Muhammad (1993: h.xiii) menjelaskan metafora dalam bahasa Melayu diklasifikasikan sebagai bahasa kiasan bukan peribahasa, iaitu kiasan yang tidak menggunakan seolah-olah, ibarat, seakan-akan, bak, seperti, laksana, macam, bagai dan umpama. Contohnya, “Budak itu lembu”. Lafaz lembu ialah metafora. Ayat ini berbeza daripada ayat “Budak itu bodoh seperti lembu” kerana lembu dalam ayat ini merupakan perumpamaan kerana terdapat perkataan seperti sebelumnya.

Nilai *al-'Isti'ārah* Dari Segi *Balaghah*

Faḍl Ḥasan °Abbās (1997: j.2, h. 158) menyatakan bahawa *al-'Isti'ārah* merupakan gayabahasa ilmu *al-Bayān* yang mempunyai kehalusan dari segi olahan bahasa dan kesan kepada penutur dan individu kedua, keindahan imaginasi dan kesempurnaan dari segi penyampaian maksud. Ia lahir daripada *al-Tashbīh al-Muḍmar fī al-Nafs* (perumpamaan yang disembunyikan di dalam hati) secara seponatan bukan rekaan. Justeru itu situasi pertama yang merupakan tempat kelahirannya dan unsur-unsur utamanya adalah hati. Manakala °Abd al-Muta°al al-Ṣa°idī (2000 : h.89-90) menyatakan bahawa *al-'Isti'ārah* mempunyai ciri-ciri keistimewaan sebagaimana *al-maja:z*. Namun ia mengatasi semua jenis *al-Majāz* dari segi kedudukannya yang teratas dan keberkesanannya. Demikian juga ia mempunyai ciri-ciri keistimewaan *al-Tashbīh*, namun ia mengatasinya dari segi kedudukan dan keberkesanan.

Hal ini dijelaskan °Abd al-Qāhir al-Jurjānī dalam bukunya “*Dalā'il al-'Ijāz*” bahawa apabila dikatakan “Saya melihat seekor singa” (seorang lelaki yang berani) dengan menghazafkan semua rukun *al-Tashbīh* kecuali *al-mushabbahbih*, maka di sini berlaku kesopanan dalam meletakkan maksud yang diinginkan, iaitu keberanian yang luar biasa. Keadaan ini menjadikannya sesuatu yang pasti berlaku dan sesuatu yang mempunyai dalil yang menunjukkan ianya berlaku. Ini kerana seekor singa mesti mempunyai sifat keberanian dan ketiadaan sifat tersebut menjadi satu perkara yang mustahil. Keadaan ini berbeza dengan penggunaan *al-Tashbīh* yang tidak memberi maksud kepastian, bahkan ia masih kesamaran di antara berlaku atau tidak.

Selain dari penjelasan di atas, ^oAbd al-Qāhir al-Jurjānī menyatakan bahawa penggunaan *al-'Isti'ārah* dalam pengolahan ayat akan memberikan makna yang banyak dengan penggunaan lafaz yang sedikit. Shafi^c al-Sayyid (1995: h.122-123..).

Sesetengah ulama menyifatkan sebab keberkesanan *al-'Isti'ārah* berbanding *al-Tashbīh* adalah kerana *al-Tashbīh* mempunyai dua rukun utama, iaitu lafaz bandingan (*mushabbah*) dan lafaz yang dibandingkan (*mushabbahbih*). Ia menunjukkan pertentangan di antara keduanya dan hubungan antara keduanya hanyalah bersifat keserupaan dan berhampiran. Ia tidak mencapai tahap penyatuan di antara dua rukun utama tersebut, demikian juga tidak mencapai tahap *mushabbah* menjadi satu bahagian daripada *mushabbahbih* sebagaimana *al-'Isti'ārah*. Selain dari keistimewaan di atas *al-'Isti'ārah* mempunyai *maqām* (konteks) yang berbeza dari *al-Tashbīh* dan *al-haqi:qat*, di mana *maqām al-'Isti'ārah* merupakan *maqām ta'kīd* atau *maqām mubālaghah* (keterlaluan) dalam memberi pujian atau celaan atau kebanggaan atau seumpamanya. Di samping *maqa:m* tersebut di atas aspek kematangan dan kebijaksanaan para pendengar juga perlu dijadikan sebagai asas pertimbangan keberkesanan sesuatu komunikasi. ^oAbd al-Muta^cāl al-Ṣa^cīdī (2000: h.90-91)

Dalam hal yang sama ^oAbd al-Rahmān Ḥasan al-Ḥabannakah al-Mīdānī (1996: j.2, h.263) menyatakan sebab kenapa *al-'Isti'ārah* menduduki tempat yang lebih tinggi daripada *al-tashbi:h* dari segi keaslian, antaranya :

- a) Ia lebih mendalam gaya bahasa *al-baya:n ghayr al-muba:shir* berbanding *al-Tashbīh*.
- b) Ia melupakan *al-Tashbīh* yang merupakan asal baginya. Ini kerana *al-'Isti'ārah* membayangkan kesatuan di antara *al-mushabbah* dan *al-mushabbahbih*.
- c) Ia merangsang bagi menarik perhatian orang-orang yang bijaksana yang mempunyai citarasa kesusasteraan. Selain dari itu ia mendominasi bagi memberi peringatan dan mempengaruhi mereka, lebih-lebih lagi apabila ia merupakan sesuatu yang janggal yang tidak dapat dikesan kecuali ahli balaghah yang bijaksana.

Bagaimanapun kedudukan tersebut bukan menjadi sesuatu yang mutlak, kerana kadang-kadang situasi penutur dan topik perbincangan memerlukan kepada penggunaan *al-Tashbīh*, lalu *al-al-Tashbīh* lebih berkesan (*ablagh*) daripada *al-'Isti'a:rat*.

Beliau berpandangan dalam aspek yang lain, peningkatan keindahan dan kreatififan *al-'Isti'ārah* dapat dilihat berdasarkan kepada himpunan unsur-unsur tertentu yang terikat dengan syarat *wajh al-shabh* tidak tersembunyi dan tidak mempunyai unsur sangkaan buruk (*'istihjān*). Antara unsur-unsur tersebut ialah:

- a) Olahan bahasa yang tidak mempunyai unsur-unsur yang membayangkan *al-Tashbīh* sebagai induk kepada *al-'Isti'ārah*. Hal ini tidak termasuk *qarīnah* yang menghalang daripada penggunaan maksud asal.
- b) *Wajh al-shabh* yang jarang digunakan para penulis, para penyair dan para pemedato samada secara lisan atau penulisan.
- c) *Al-'Isti'ārah* yang aneh dari segi pangkalnya ataupun dari segi unsur-unsur yang mempunyai kaitan dengannya.
- d) *Al-'Isti'ārah* yang berasaskan kepada sumber yang halus dan mendalam serta jelas.
- e) *Al-'Isti'ārah* yang mempunyai pendetilan dan pembahagian yang jelas.
- f) *Al-'Isti'ārah* yang mempunyai kaitan dengan *tarshīh* yang mengukuhkannya.

Selain dari perkara di atas, ‘Abd al-Fattāh Lāshīn (1985: h.192) menyatakan bahawa *balāghah al-’Isti’ārah* dapat dilihat dengan jelas pada fungsi *al-’Isti’ārah* sebagaimana berikut:

- a) Kebanyakan *al-’Isti’ārah* digunakan sebagai kekuatan dan pengaruh kepada para pendengar.
- b) Pengaruh *al-’Isti’ārah* terhadap perasaan dan jiwa manusia bergantung kepada imaginasi, persembahan imaginasi dan sifat sesuatu perkara dalam bentuk objek sebagaimana lukisan dan fotografi.
- c) *Al-’Isti’ārah* menggambarkan sesuatu yang bersifat maknawi sebagai objek yang boleh dicapai oleh pancaindra. Maka ia mempunyai kesan yang amat mendalam.
- d) *Al-’Isti’ārah* memberi kesan ke atas jiwa manusia berlipat ganda berbanding penggunaan bahasa biasa.
- e) Keindahan *al-’Isti’ārah* kelihatan pada imaginasinya tentang maksud yang mempengaruhi jiwa pendengar, lalu ia tersemat di hati secara ringkas dan *mubālaghah* dengan sebab pengabaian *al-Tashbīh* dan gambaran *al-mushabbah* dalam bentuk *al-mushabbahih*.
- f) *Balāghah al-’Isti’ārah* berlaku dengan sebab ia mempunyai inspirasi dan pengaruh dalam bentuk kesenian yang dibawa oleh lafaz, demikian juga ia mempunyai unsur yang menyembunyikan keterpengaruhan dan menggambarkan emosi. Ruh yang ditiup oleh sasterawan merupakan sesuatu yang memberi tenaga (*hayawīyyat*) dan kekuatan.

Dr. Ghāzī Yamūt (1995: h.272-273) menjelaskan bahawa rahsia *balāghah al-’Isti’ārah* datang daripada dua sudut, iaitu lafaz dan rekaan. Dari segi lafaz, rahsia tersebut berasaskan kepada struktur *al-’Isti’ārah* yang menunjukkan pengabaian *al-Tashbīh* dan pemerhatian secara sengaja kepada imaginasi gambaran baru yang mengabaikan *al-Tashbīh* yang tersembunyi. Dari segi rekaan dan keindahan hayalan pula, lapangannya terbuka luas untuk ciptaan dan kreativiti.

Pengenalan *al-’Isti’ārah al-Tamthīliyyah*

Shafi^c al-Sayyid (1995: 139) menyatakan *al-’Isti’ārah al-Tamthīliyyah* dikategorikan sebagai *al-’Isti’ārah al-Murakkabah*. Ia juga dikenali sebagai *al-Tamthīl*. Walaupun demikian, istilah yang pertama lebih popular di kalangan para ulama terkemudian hingga ke hari ini. Manakala istilah yang kedua pula lebih popular di kalangan ulama terdahulu di samping penggunaan mereka dengan maksud *al-Tashbīh al-Tamthīliyy*.

Bagi mendapat gambaran yang jelas tentang *al-’Isti’ārah* ini, penulis cuba mendatangkan beberapa definisi dan pengenalan daripada sarjana bidang balaghah tentang *al-’Isti’ārah* tersebut. Antaranya:

a) ‘Abd al-Fattāh Lāshīn (1985:186) mendefinisikannya sebagai lafaz yang dikombinasikan dan digunakan pada makna tertentu tanpa mengikut makna asal yang ditetapkan berpandukan kepada hubungan keserupaan sifat di antara makna asal dan makna kedua serta wujud *qari:nat* yang menghalang daripada penggunaan makna asal. Selain dari mendefinisikan *al-’Isti’ārah* tersebut beliau berpendapat bahawa semua *al-’amtha:l al-sā’irah* (perumpamaan yang sering digunakan) dikategorikan sebagai *al-’Isti’ārah al-Tamthīliyyah*.

b) Dīzīrah Saqāl (1997:167) mendefinisikannya sebagai lafaz yang bukan *mufrad*. Ia merupakan pengkombinasian yang datang daripada beberapa unsur dan digunakan pada makna tertentu tanpa mengikut makna asal yang ditetapkan serta wujud *qarīnah* yang menghalang

daripada penggunaan makna asal. Beliau menjelaskan bahawa *al-musta'ār lahu* (*al-mushabbah*) dan *al-musta'ār minhu* (*al-mushabbah bih*) pada *al-'Isti'ārah* tersebut berbilang-bilang. Maka *al-'Isti'ārah* tersebut secara keseluruhannya merupakan sesuatu yang dikombinasikan serta datang daripada pelbagai unsur pada setiap penjurunya. Lalu ia menjadi *mathal* (perumpamaan) dan dinamakan *al-Tamthīliyyah*.

c) Faḍl Ḥasan ʿAbbās (1997: j.2, h.194-197) mendefinisikannya sebagai perumpamaan satu gambaran dengan gambaran yang lain yang mempunyai kaitan di antara keduanya dari segi makna. Berikutnya dibuang gambaran yang pertama yang merupakan *al-mushabbah* dan dikekalkan gambaran kedua yang merupakan *al-mushabbah bih*. Beliau seterusnya menjelaskan bahawa para ahli balaghah menganggap *al-'Isti'ārah al-Tamthīliyyah* sebagai *al-'Isti'ārah* yang paling kuat dari segi balaghah dan pengaruhnya. Apabila ia popular maka ia menjadi *mathal*. Pada masa ini tidak boleh diubah sesuatu lagi padanya. Antara contoh *al-'Isti'ārah al-Tamthīliyyah* ialah:

i) Firman Allah SWT:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ قُلْ هِيَ مَوْقِيتٌ لِلنَّاسِ وَالْحَيُّ وَاللَّيْسَ الْبَرُّ بِأَنْ تَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ ظُهُورِهَا
وَلَكِنَّ الْبَرَّ مِنَ اتَّقَىٰ وَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ أَبْوَئِهَا وَأَتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya:

Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. Katakanlah: (peredaran) anak-anak bulan itu menandakan waktu-waktu (urusan dan amalan) manusia, khasnya ibadat haji. Dan bukanlah perkara kebajikan: kamu memasuki rumah dari bahagian belakangnya (ketika kamu berihram), akan tetapi kebajikan itu ialah perbuatan orang yang bertaqwa; dan masuklah ke rumah (kamu) itu melalui pintunya...

Surah al-Baqarāṭ (2): 189.

Pada asasnya tujuan ayat di atas adalah untuk menyeru kaum muslimin agar tidak sibuk dengan perkara yang tidak memberi kebaikan dan faedah. Ia berkaitan dengan peristiwa di mana para sahabat Rasulullah s.a.w. bertanya baginda tentang anak bulan yang pada awalnya kecil, kemudian ia menjadi besar, seterusnya ia kembali sebagaimana asal. Maka Allah SWT menunjukkan mereka jalan terbaik bagi mereka ialah bertanya tentang perkara yang memberi manfaat bagi mereka, hidup dengan realiti dan mengutamakan perkara yang penting. Ayat di atas membuat perumpamaan keadaan orang yang mementingkan sesuatu yang tidak memberi manfaat, sibuk dengan sesuatu yang bukan realiti, memberi keutamaan kepada perkara yang tidak penting dalam membuat kajian dan di sebaliknya meninggalkan perkara yang penting dengan keadaan orang yang memasuki rumah dari belakang. Dia terpaksa memecahkan rumah dan merosakkannya untuk masuk. Di sebalik itu, sepatutnya dia memasuki rumah melalui pintunya (pintu hadapan) kerana ia lebih mudah dan tidak membawa kemudaratan dan kerosakan. Di sini dapat diperhatikan bahawa *al-mushabbahbih* digambarkan dalam bentuk pengkombinasian, iaitu memasuki rumah dari bahagian belakang tanpa melalui pintu hadapan.

- ii) Rasulullah s.a.w. bersabda: “لَا يُلْدَعُ الْمُؤْمِنُ فِي جُحْرِ مَرَّتَيْنِ”
(Al-Bukhārī no. hadis 5991. Muslim no. hadis 7447)

Hadis di atas memberi maksud seorang mukmin tidak akan digigit atau disengat dua kali di dalam satu lubang. Hadis ini diucapkan Rasulullah s.a.w. kepada 'Abū 'Izzah selepas dia ditawan dan dibebaskan, seterusnya dia mengulangi perkara yang sama.

- iii) Al-Mutanabbi mengungkapkan dalam syairnya:

وَمَنْ يَكُ ذَا فَمٍ مَّرِيضٍ يَجِدُ مَرًّا بِهِ الْمَاءَ الزُّلَالَا

Syair di atas memberi maksud sesiapa yang mempunyai mulut(lidah) yang pahit dan tidak sihat, dia akan merasai air tawar dan bersih itu pahit. Ungkapan ini dikatakan kepada orang yang tidak dapat membezakan di antara perkara yang baik atau hina. Ungkapan tersebut pada asasnya diucapkan oleh al-Mutanabbi kepada orang-orang yang merendah-rendahkan syairnya.

Perbezaan Di antara *al-'Isti 'ārah al-Tamthīliyyah*, *al-Tashbīh al-Tamthīliyy* dan *al-Tashbīh al- Ḍimniyy*

Terdapat ciri-ciri persamaan di antara ketiga-tiga topik di atas yang seringkali mendatangkan kekeliruan dan kecelaruan kepada para pembaca dan pengkaji ilmu balaghah. Hal ini memerlukan kepada pemahaman secara terperinci dan mendalam tentang perbezaan tersebut. Bagi mendapat gambaran yang jelas tentang perbezaan tersebut penulis cuba mendedahkan definisi ketiga-tiga perkara tersebut secara terperinci sebagaimana berikut:

Al-Tashbīh al-Tamthīliyy

Ghāzī Yamūt (1995:268) menjelaskan bahawa *al-Tashbīh al-Tamthīliyy* mempunyai dua *tarkīb* yang dibuat perumpamaan secara jelas. *Tarkīb* yang pertama merupakan *al-mushabbah*, manakala *tarkīb* yang kedua merupakan *al-mushabbabih*. Dīzīrah Saqāl (1997:154) membawa contoh ungkapan al-Mutanabbi dalam syairnya :

يَهْرُ الْجَيْشُ حَوْلَكَ جَانِبِيهِ كَمَا نَفَضَتْ جَنَاحِيهَا الْعُقَابُ

Syair di atas memberi maksud seorang tentera menggerakkan kedua tangannya bagaikan burung helang menggerakkan kedua sayapnya. *Tarkīb* yang pertama daripada syair di atas, iaitu seorang tentera menggerakkan kedua tangannya merupakan *al-mushabbah*, manakala *tarkīb* yang kedua, iaitu bagaikan burung helang menggerakkan kedua sayapnya merupakan *al-mushabbabih*.

Al-Tashbīh al- Ḍimniyy

Menurut pandangan Ghāzī Yamūt (1995: 269) *al-Tashbīh al- Ḍimniyy* mempunyai dua *tarkīb* yang dibuat perumpamaan. Bagaimanapun perumpamaan yang dibuat memerlukan kepada pemerhatian dan penelitian kerana ia tidak digambarkan dengan jelas. *tarkīb* yang pertama merupakan *al-mushabbah* sebagaimana pada *al-Tashbīh al-Tamthīliyy*, demikian juga *tarkīb* yang kedua merupakan *al-mushabbabih*. Dīzīrah Saqāl (1997:156) membawa contoh berkaitan perkara ini ungkapan penyair:

مَا كُلُّ مَا يَتَمَكَّى الْمَرَأُ يُدْرِكُهُ تَجْرِي الرِّيحُ بِمَا لَا تَشْتَهِي السُّفُنُ

Syair di atas memberi maksud tidak semua yang dicita-citakan seseorang dicapainya, kerana angin yang bertiup tidak mengikut kehendak kapal. Syair di atas menggambarkan cita-cita seseorang tidak selalunya dicapai dengan gambaran kapal yang tidak sentiasa ditiup angin mengikut arah yang dituju. Maka *al-mushabbah* di sini ialah seseorang, manakala *al-mushabbah bih* pula ialah kapal. Seterusnya *wajh al-shabah* ialah ketidaksesuaian perkara yang dicita-citakan pada masa-masa tertentu.

Al-'Isti'ārah al-Tamthīliyyah

Ghāzī Yamūt (1995:269) menjelaskan *al-'Isti'ārah al-Tamthīliyyah* mempunyai dua *tarkīb* yang dibuat perumpamaan. Bagaimanapun perumpamaan yang dibuat merupakan perkara yang tersembunyi sebagaimana *al-Tashbīh al-Ḍimniyy*. Selain dari itu ungkapan *al-'Isti'ārah* pada *al-'Isti'ārah* ini tidak mengandungi *al-mushabbah*. Ia hanya mengandungi *al-mushabbah bih*. Ini bermaksud keadaan asal tidak wujud pada *al-'Isti'ārah* ini. Contohnya ungkapan penyair:

قَدْ تُنَكِّرُ الْعَيْنُ ضَوْءَ الشَّمْسِ مِنْ رَمَدٍ وَيُنَكِّرُ الْفَمُّ طَعْمَ الْمَاءِ مِنْ سَقَمٍ

Syair di atas memberi maksud kadang-kadang mata tidak dapat melihat cahaya matahari kerana penyakitnya, demikian juga mulut (lidah) tidak dapat mengecapi rasa air kerana juga penyakitnya. Ungkapan di atas mempunyai dua *al-'Isti'ārah al-Tamthīliyyah* yang berasaskan kepada perumpamaan situasi yang dibuang, iaitu keadaan berpaling daripada melihat kebenaran dengan keadaan sakit mata dan keadaan orang yang sakit yang tidak dapat merasai sesuatu. Daripada contoh di atas dapat disimpulkan bahawa kedua-dua *al-'Isti'ārah al-Tamthīliyyah* di atas tidak mempunyai *al-mushabbah*. Ia hanya mempunyai *al-mushabbah bih*.

Kajian Lepas

Dalam kajian Aini Ziyana Azri & Maheram Ahmad (2020) bertajuk: “Tinjauan Literatur Terjemahan Istilah dalam Teks Agama” menyatakan bahawa kesukaran mencari perkataan yang sepadan dalam bahasa sasaran menjadi kekangan utama kepada para penterjemah istilah dalam teks agama, terutamanya dalam bidang fiqh dan hadis. Kajian ini membincangkan tentang pendekatan yang telah diambil oleh para pengkaji dan penterjemah terdahulu semasa mereka menterjemahkan istilah-istilah agama ke bahasa Melayu, di samping menganalisis keperluan kajian pada masa kini. Hasil kajian mendapati dua kaedah kajian iaitu kualitatif dan kuantitatif digunakan dalam kebanyakan kajian yang berkaitan dengan istilah bagi memudahkan proses penterjemahan dan pengeluaran sampel. Selain itu, kedua-dua tema juga membincangkan perkara yang sama iaitu masalah dan cabaran yang dihadapi ketika menterjemahkan istilah dan teks agama.

Selain itu, Khairul Anhar, M. Husnan Lubis & Rahimah (2020) telah menjalankan kajian bertajuk: “Analisis Kesalahan Terjemahan Hadis-Hadis Kitab *al-Jāmi'* di dalam *Bulūgh al-Marām* Karya Moh. Machfuddin Aladip”. Kajian ini bertujuan mengenalpasti kesalahan-kesalahan terjemahan yang terjadi pada terjemahan hadis-hadis kitab *al-Jāmi'* di dalam kitab *Bulūgh al-Marām* karya Moh. Macfuddin Aladip serta menjelaskan faktor-faktor kesalahan tersebut terjadi. Hasil penyelidikan tersebut mendapati bahawa terdapat kesalahan-kesalahan yang fatal dalam hasil terjemahan beberapa hadis yang dikaji di dalam kitab *Bulūgh al-Marām Min 'Adillah al-Aḥkām* oleh Moh. Machfuddin Aladip, pada bab kitab *al-Jāmi'*. Selain itu

kesalahan-kesalahan yang berlaku adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut: (1) Pemadanan yang tidak tepat secara leksikal, (2) Penambahan kata atau frasa melebihi kata pada teks sumber, (3) Pergeseran yang terjadi pada tataran kata, (4) Penghilangan padanan kata dan frasa, (5) Kesalahan mengidentifikasi kata di dalam bahasa sumber.

Manakala Wahyu Hidayat Abdullah, Mohd Marzuqi Abdul Rahim & Abd Hadi Borham (2018) telah menjalankan kajian bertajuk: “Amalan Penggunaan Metode *Sharah al-Hadith* Dalam Pengajian Hadith di Institusi Masjid di Daerah Muallim Negeri Perak”. Kajian ini menjelaskan kepentingan ilmu syarah al-hadith dalam memahami hadis nabi SAW. Antara objektif lain dalam kajian ini juga ialah menganalisis sebahagian kaedah syarah hadith yang diaplikasikan oleh tenaga pengajar khususnya dalam pengajian hadis yang dijalankan di sekitar daerah Muallim di negeri Perak Darul Ridzuan. Kajian ini sekaligus mendedahkan kekuatan dan kelemahan yang terdapat kaedah syarah hadis yang telah digunakan oleh beberapa tenaga pengajar dalam bidang tersebut yang terlibat di daerah Muallim Tanjung Malim, Negeri Perak.

Dalam kajian Saifulah bin Samsudin, Khairatul Akmar bin Abdul Latif, Salman bin Zainal Abidin, Ahmad Redzaudin Ghazali (2017) bertajuk: “Terjemahan Kitab *Fiqh al-Sīrah al-Būṭī* Analisis Pemilihan Perkataan dan Struktur Ayat” membincangkan tentang aspek ketepatan terjemahan yang terdapat dalam kitab terjemahan *Fiqh Sīrah* karangan Sheikh Muḥammad Saʿīd Ramadān al-Būṭī oleh Ustaz Darus Sanawi iaitu memperincikan tentang metode terjemahan yang digunapakai oleh penterjemah dengan menekankan aspek pemilihan kosakata serta struktur ayat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua aspek tersebut dipengaruhi oleh pendekatan ‘Terjemahan Langsung’ yang amat ketara.

Saifulah Samsudin, Abdul Manan Yusof, Husni Abdullah, Hamid Mat Isa & Quratuljannati Adnin Mohd Rithuan (2017) pula menjalankan kajian bertajuk: “Terjemahan Hadis Dalam Khutbah Jumaat Terbitan JAIS: Kajian Konsistensi Metode Terjemahan”. Kajian tersebut menyingkap isu konsistensi metod penterjemahan hadis yang terdapat dalam teks khutbah Jumaat terbitan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pada tahun 2015. Kepentingan kajian ini berasaskan kepada bahasa komunikasi khatib efektif berjaya menyampaikan intipati khutbah dengan baik dan menjadi wasilah berkesan bagi menyampaikan mesej keagamaan kepada audien. Hasil penyelidikan terjemahan hadis korpus kajian ke dalam bahasa Melayu mendapati terdapat beberapa teks hadis yang sama tetapi mempunyai perbezaan terjemahan. Hal ini dipengaruhi oleh pemilihan terjemahan kosa kata yang berbeza bagi perkataan yang sama.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Nur Sakinah binti Mohd Yassin, Mohd Muhiden Abdul Rahman & Mohd Alwee Yusoff (2017) bertajuk: “Analisis Penulisan Hadis dalam Kitab Jawi: Kajian Terhadap Kitab *Bisharah al-ʿĀmilīn wa Naḍarah al-Ghāfilīn* Karya Ahmad al-Faṭānī. Kajian ini memberi penekanan mengenai perincian metodologi penulisan kitab meliputi sistematika penyusunan kitab, metode tabwib, isi dan kandungan, teknik penghujahan, bentuk pernyataan rujukan dan gaya bahasa. Sementara itu analisis penulisan hadis merangkumi penulisan matan hadis, sanad hadis, terjemahan hadis, status hadis, sumber dalil dan sumber rujukan hadis.

Kajian yang dilakukan oleh Muhammad Firdaus bin Abdul Manaf & Maheram Ahmad (2015) bertajuk: “Perbandingan Teori Penterjemahan Arab-Melayu”. Kajian tersebut membincangkan proses terjemahan Arab-Melayu melibatkan beberapa teori penterjemahan samada ia daripada

kelompok teori penterjemahan langsung atau teori penterjemahan tidak langsung. Dapatan kajian membolehkan para pengkaji mengetahui latar belakang setiap teori ini secara umum dan mampu membuat perbandingan antara satu sama lain dalam memilih kaedah terjemahan dan analisis kritikan yang sesuai dengannya.

Dalam kajian “Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Arab-Melayu Terhadap Teks “Kasih dan Harapan” oleh Mohd. Zaki Bin Abdul Rahman, Ahmad Arifin Bin Sapar & Maheram Ahmad (2013) pengkaji mengenal pasti strategi yang digunakan dalam menterjemahkan peribahasa (*al-Mathal*) dari bahasa Arab ke bahasa Melayu. Kajian mendapati bahawa penterjemah menggunakan terjemahan kata demi kata (kata demi kata) dan kaedah terjemahan harfiah, sementara peribahasa terjemahan diterjemahkan menjadi ungkapan biasa (bukan peribahasa) sebagai strategi menterjemahkan peribahasa (*al-Mathal*) dari bahasa Arab ke bahasa Melayu.

Dalam kajian tesis Master yang dilakukan oleh Kamarulzaman Ideres (2011) membincangkan tentang teori dan pengaplikasian analisis berkaitan ketepatan padanan terjemahan hadis yang memberi kesan terhadap pemahaman makna dan maksud hadis. Objektif kajian ini ialah untuk melihat sejauh mana ketepatan terjemahan dalam pemadanan kata tugas dan diksi daripada dua bahasa yang berbeza persekitaran dan budaya di satu sudut, dan struktur binaan ayat agar hasil terjemahan dapat difahami dengan mudah oleh pembaca di satu sudut yang lain. Dapatan analisis menunjukkan pensejadian makna kata tugas dan pemilihan diksi perlu disesuaikan dengan gaya bahasa moden dan sekarang supaya terjemahan mudah difahami. Pengkaji mendapati bahawa kajian yang dijalankan ini berbeza dengan kajian- kajian yang lepas kerana kajian istilah secara umumnya telah banyak dikaji tetapi kajian yang berkaitan dengan terjemahan istilah dalam hadis masih perlu diselidiki dan diberi perhatian.

Al-'Isti'ārah al-Tamthīliyyah dalam Hadis-Hadis Kitab Riyāḍ al- Ṣāliḥīn

Bahagian ini merupakan paparan analisis *al-'Isti'ārah al-Tamthīliyyah* dalam hadis-hadis kitab *Riyāḍ al- Ṣāliḥīn*. Dalam menganalisis *al-'Isti'ārah* penulis bergantung kepada kitab-kitab syarah hadis dan balaghah selain dari pemahaman teori. Dalam kata lain penulis melihat kepada huraian dan contoh kitab-kitab berkenaan di samping pemahaman teori.

Disebabkan karya-karya ulama dan kajian-kajian masa kini dan sebelum ini tidak banyak menyentuh tentang balaghah hadis khususnya tentang *al-'Isti'ārah*, maka penulis cuba mencungkil dan mengeluarkannya daripada karya-karya dan kajian-kajian ulama dalam bidang berkaitan menggunakan kaedah *'istiqrā'*. Hasil dari usaha tersebut penulis mendapati sebahagian daripada *al-'Isti'ārah* dalam hadis-hadis kitab *Riyāḍ al- Ṣāliḥīn* dihuraikan dengan jelas dalam kitab-kitab syarah hadis dan balaghah. Manakala sebahagian lagi disentuh secara umum tanpa dihuraikan dengan terperinci. Sebaliknya penulis yakin bahawa masih banyak fenomena *al-'Isti'ārah* dalam hadis-hadis kitab *Riyāḍ al- Ṣāliḥīn* yang tidak dihuraikan dalam kitab-kitab berkenaan.

***Al-'Isti'ārah al-Tamthīlyyah* dalam Hadis-Hadis Kitab *Riyāḍ al- Ṣāliḥīn* dan Analisis Terjemahan**

Hadis bilangan 1

(Bab Taubat, no. hadis 16)

عَنْ أَبِي مُوسَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ قَيْسِ الْأَشْعَرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ
اللَّهَ تَعَالَى يَبْسُطُ يَدَهُ بِاللَّيْلِ لِيَتُوبَ مُسِيءُ النَّهَارِ، وَيَبْسُطُ يَدَهُ بِالنَّهَارِ لِيَتُوبَ مُسِيءُ اللَّيْلِ حَتَّى
تَطْلُعَ الشَّمْسُ مِنْ مَغْرِبِهَا.

(Muslim, no. hadis 6938)

Al-'Isti'ārah al-Tamthīlyyah dalam hadis إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَبْسُطُ يَدَهُ .

Hadis di atas memberi maksud sesungguhnya Allah SWT membuka tanganNya pada waktu malam untuk memberi keampunan kepada orang yang berdosa pada waktu siang. Demikian pada waktu siang Allah SWT membuka ‘tanganNya’ untuk memberi keampunan kepada orang yang berdosa pada waktu malam. Ungkapan di atas mempunyai dua *al-'Isticārah-al-Tamthīlyyah* yang berasaskan kepada perumpamaan situasi yang dibuang, iaitu keadaan Allah SWT yang ingin memberi keampunan dengan keadaan orang yang kehilangan sesuatu yang berharga yang amat diperlukan kemudian dia mendapatinya pada seseorang maka dia menghulurkan tangannya meminta dengan penuh simpati. Daripada contoh di atas dapat disimpulkan bahawa kedua-dua *al-'Isti'ārah al-Tamthīlyyah* di atas tidak mempunyai *al-mushabbah*. Ia hanya mempunyai *al-mushabbah* (Al-Ṣādiqī Muḥammad bin ‘Allān: j.1, h.87)

Jadual 1:

| <i>Al-Musta'ār</i> (المستعار) | <i>Al-Musta'ār lahu</i> (المستعار له) | <i>Al-Musta'ār minh</i> (المستعار منه) | <i>Al-Jāmi'</i> (الجامع) | <i>Al-Qarīnah</i> (القرينة) | <i>Mulā'im al-mushabbah</i> (ملائيم المشبه) | <i>Mulā'im al-mushabbah</i> (ملائيم المشبه به) |
|---|---|---|-----------------------------|--|--|---|
| حَالَهُ مِنْ ضَاعَ لَهُ شَيْءٌ نَفِيسٌ لَا عَنَى لَهُ عَنْهُ ثُمَّ وَجَدَهُ مَعَ غَيْرِهِ فَإِنَّهُ يَمُدُّ يَدَهُ إِلَيْهِ طَالِبًا مُتَضَرِّعًا | حَالُ إِزَادَتِهِ التَّوْبَةُ تَعَالَى مِنْ عَبْدِهِ وَأَنَّهَا مِمَّا يُجِبُهُ | حَالَهُ مِنْ ضَاعَ لَهُ شَيْءٌ نَفِيسٌ لَا عَنَى لَهُ عَنْهُ ثُمَّ وَجَدَهُ مَعَ غَيْرِهِ فَإِنَّهُ يَمُدُّ يَدَهُ إِلَيْهِ طَالِبًا مُتَضَرِّعًا | الرَّجَاءُ | إِسْنَادُ لَأَزِمِ الْمُشَبَّهِ بِهِ (يَبْسُطُ) إِلَى الْمُشَبَّهِ (اللَّهِ) | لِيَتُوبَ مُسِيءُ النَّهَارِ | - |

Terjemahan Hadis:

Sesungguhnya Allah SWT membentangkan ‘tanganNya’ (sebagai kemurahanNya menerima taubat) pada waktu malam untuk menerima taubat orang yang telah melakukan dosa pada waktu siang, dan membentangkan ‘tanganNya’ pada (kemurahanNya untuk menerima taubat) pada waktu siang untuk menerima taubat orang yang melakukan dosa pada waktu malam . Keadaan ini berterusan sehinggalah terbitnya matahari dari sebelah barat. (Hadis Riwayat Muslim).

Jadual berikut menjelaskan unsur-unsur *al-'Isti'arah al-Tamthiliyyah* dalam hadis di atas secara terperinci.

Hadis Bilangan 2

(Bab Berbuat Baik Terhadap Kedua Ibu Bapa dan Sambungan Silaturahim,
no. hadis 315)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ اللَّهَ خَلَقَ الْخَلْقَ حَتَّى إِذَا فَرَغَ مِنْهُمْ قَامَتِ الرَّحِمُ فَقَالَتْ: هَذَا مَقَامُ الْعَائِدِ مِنَ الْقَطِيعَةِ، قَالَ: نَعَمْ، أَمَا تَرْضَيْنَ أَنْ أَصِلَ مَنْ وَصَلَكَ وَأَقْطَعَ مَنْ قَطَعَكَ؟ قَالَتْ: بَلَى، قَالَ: فَذَلِكَ لَكَ، ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِفْرُؤُوا إِنْ شِئْتُمْ: فَهَلْ عَسَيْتُمْ إِنْ تَوَلَّيْتُمْ أَنْ تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ وَتُقَطِّعُوا أَرْحَامَكُمْ أُولَئِكَ الَّذِينَ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فَأَصَمَّهُمْ وَأَعَمَّى أَبْصَارَهُمْ.

وَبِهِ رِوَايَةٌ لِلْبُخَارِيِّ: فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: مَنْ وَصَلَكَ وَصَلْتُهُ وَمَنْ قَطَعَكَ قَطَعْتُهُ.

(Al-Bukhāri, no. hadis 4771, 5850 dan 7336. Muslim, no. hadis 6470)

Al-'Isti'arah al-Tamthiliyyah dalam hadis:

حَالُ الرَّحِمِ وَمَا هِيَ عَلَيْهِ مِنَ الْإِفْتِقَارِ إِلَى الصِّلَةِ وَالذَّبِّ مِنَ الْقَطِيعَةِ

Ungkapan hadis di atas mempunyai *al-'Isti'arah al-Tamthiliyyah* berasaskan kepada perumpamaan situasi yang dibuang, iaitu keadaan rahim yang memerlukan kepada sambungan dan menolak daripada terputus dengan keadaan keadaan orang yang meminta tolong kepada orang yang diminta pertolongan dengan memegang hujung kain yang menutupi badannya. Daripada contoh di atas dapat disimpulkan bahawa *al-'Isti'arah al-Tamthiliyyah* di atas tidak mempunyai *al-mushabbah* (tersembunyi). Ia hanya mempunyai *al-mushabbah bih* (Muhammad Bīlū 'Aḥmad 'Abū Bakr: 75-77. Badr al-Dīn al-ʿAinī: j.19, h.173).

Jadual berikut menjelaskan unsur-unsur *al-'Isti'arah al-Tamthiliyyah* dalam hadis di atas secara terperinci.

Jadual 2

| <i>Al-Musta'ār</i> (المستعار) | <i>Al-Musta'ār lahu</i> (المستعار له) | <i>Al-Musta'ār minh</i> (المستعار منه) | <i>Al-Jāmi'</i> (الجامع) | <i>Al-Qarīnah</i> (القرينة) | <i>Mulā'im al-mushabbah</i> (ملائيم المشبهه) | <i>Mulā'im al-mushabbah bih</i> (ملائيم المشبه به) |
|--|--|--|--------------------------------|--------------------------------|---|---|
| حَالُ الْمُسْتَعَارِ يَأْخُذُ بِدَيْلِ الْمُسْتَعَارِ وَحَقْوِ إِزَارِهِ | حَالُ الرَّحِمِ وَمَا هِيَ عَلَيْهِ مِنَ الْإِفْتِقَارِ إِلَى الصَّلَةِ وَالذَّبِّ مِنَ الطَّبِيعَةِ | حَالُ الْمُسْتَعَارِ يَأْخُذُ بِدَيْلِ الْمُسْتَعَارِ وَحَقْوِ إِزَارِهِ | الِاخْتِيَابُ وَالِإِعْتِمَادُ | قَرِينَةٌ خَالِيَةٌ | بِدُوَيْمًا | بِدُوَيْمًا |

Terjemahan hadis:

Sesungguhnya Allah Taala telah menjadikan semua makhluk, hingga apabila selesai, lalu berdirilah *al-rahim* (hubungan kaum kerabat) lalu berkata, “Pendirianku (tempat) ini adalah sebagai pendirian orang yang berlindung dengan engkau (Allah) daripada pemutusan atau pemisahan”, Allah berfirman yang maksudnya, “Ya, adakah tidak engkau suka aku perhubungan orang yang suka menghubungkan kamu dan aku pisahkan orang yang hendak memutuskan kamu? Kata *al-rahim*, “ya”, Allah berfirman lagi, “Yang demikian itulah untukmu”. Kemudian sabda Rasulullah s.a.w, Bacalah jika kamu semua kehendaki. Firman Allah yang bermaksud, (Kalau kamu tidak mematuhi perintah) maka tidakkah kamu harus dibimbangi dan dikhuatiri jika kamu dapat memegang kuasa – kamu akan melakukan kerosakan di muka bumi dan memutuskan hubungan *ṣillaturrahim* dengan kaum kerabat? (orang yang melakukan perkara-perkara yang tersebut) merekalah yang dilaknat oleh Allah serta ditulikan pendengaran mereka, dan dibutakan penglihatan mereka (surah Muhammad ayat 22-23)

Hadis bilangan 3

(Bab Doa Semasa Menaiki Binatang Tunggangan Semasa Musafir, no. hadis 973)

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ سَرْجِسَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ إِذَا سَافَرَ يَتَعَوَّدُ مِنْ وَعَثَاءِ السَّفَرِ

وَكَاثِبَةِ الْمُتَقَلِّبِ وَالْحَوْرِ بَعْدَ الْكُورِ وَدَعْوَةِ الْمَظْلُومِ وَسُوءِ الْمَنْظَرِ فِي الْأَهْلِ وَالْمَالِ.

.(Muslim, no. hadis 3230)

Al-'Isti'arah al-Tamthiliyyah dalam hadis:

الْحَوْرِ بَعْدَ الْكُورِ

Ungkapan di atas mempunyai *al-'Isti'arah al-Tamthiliyyah* berasaskan kepada perumpamaan situasi yang dibuang, iaitu keadaan manusia semasa dalam kesusahan selepas kemudahan dan semasa dalam keadaan sedikit selepas kemewahan, demikian dalam keadaan terlepas daripada halangan maknawi selepas ianya terhalang dengan keadaan berlaku kekurangan dengan apa yg telah diberikan. Daripada contoh di atas dapat disimpulkan bahawa *al-'Isti'arah al-Tamthiliyyah* di atas tidak mempunyai *al-mushabbah*. Ia hanya mempunyai *al-mushabbahbih* (Al-Sharīf al-Raḍīy:143). Jadual berikut menjelaskan unsur-unsur *al-'Isti'arah al-Tamthiliyyah* dalam hadis di atas secara terperinci.

Jadual 3:

| <i>Al-Musta'ār</i> (المستعَار) | <i>Al-Musta'ār lahu</i> (المستعَار لَهُ) | <i>Al-Musta'ār minh</i> (المستعَار مِنْهُ) | <i>Al-Jāmi'</i> (الجامِع) | <i>Al-Qarīnah</i> (القرينة) | <i>Mulā'im al-mushabbah</i> (مُلايِم المَشَبَّه) | <i>Mulā'im al-mushabbahbih</i> (مُلايِم المَشَبَّه بِهِ) |
|-----------------------------------|---|---|---|--------------------------------|---|---|
| الْحَوْرُ بَعْدَ الْكَوْرِ | حَالُ الْإِنْسَانِ فِي عُسْرِهِ بَعْدَ يُسْرِهِ، وَقَلَّةُ مَا فِي يَدِهِ بَعْدَ كَثْرَتِهِ، وَإِنْكَشَافُ سِتْرِهِ الْمَعْنَوِيِّ بَعْدَ أَنْ كَانَ مَسْتُورًا | الْحَوْرُ بَعْدَ الْكَوْرِ | عَدَمُ اسْتِقْرَارِ الْحَالِ بَعْدَ اسْتِقْرَارِهَا | يَتَعَوَّدُ مِنْ | - | - |

Terjemahan hadis:

Daripada Abdullah bin Sarjis r.a katanya, bahawa Rasulullah s.a.w Apabila hendak keluar bermusafir (daripada tempat kediamannya), Baginda memohon perlindungan kepada Allah daripada segala kepayahan dan kesukaran semasa di dalam perjalanan itu, kemudian baginda berdoa agar tidak berlaku perkara yang menyedihkan ketika kembali, meninggalkan istiqamah atau menambah kekurangannya, dan daripada doa orang yang teraniaya, pandangan buruk (yang tidak diingini) pada keluarga atau harta.

Hadis bilangan 4

(Bab Perintah Memelihara Sembahyang Fardu ...,
no. hadis 1075, Bab Penegasan Kewajipan Mengeluarkan Zalat...,
no. hadis 1206 dan Kitab Haji, Bab Kewajipan Menunaikan haji ..., no. hadis 1271)

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ:

شَهَادَةٌ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامُ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ، وَالْحَجُّ، وَصَوْمُ

رَمَضَانَ.

(Al-Bukhārī, no. hadis 8. Muslim no. hadis 78)

Al- 'Isti'ārah al-Tamthīliyyah dalam hadis:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ

Ungkapan di atas mempunyai *al- 'Isti'ārah al-Tamthīliyyah* berasaskan kepada perumpamaan situasi yang dibuang, iaitu keadaan Islam bersama rukun-rukunnya dengan keadaan khemah yang mempunyai lima tiang. Daripada contoh di atas dapat disimpulkan bahawa *al- 'Isti'ārah al-Tamthīliyyah* di atas tidak mempunyai *al-mushabbah*. Ia hanya mempunyai *al-mushabbah bih*. Jadual berikut menjelaskan unsur-unsur *al- 'Isti'ārah al-Tamthīliyyah* dalam hadis di atas secara terperinci (Badr al-Dīn al-°Ainī, j.1, h.120. Faḍl Ḥasan °Abbās: j.2, h.173, h.175-176 dan h.223).

Jadual 4:

| <i>Al-Musta'ār</i> (المستعار) | <i>Al-Musta'ār lahu</i> (المستعار له) | <i>Al-Musta'ār minhu</i> (المستعار منه) | <i>Al-Jāmi'</i> (الجامع) | <i>Al-Qarīnah</i> (القرينة) | <i>Mulā'im al-mushabbah</i> (ملايم المشبه) | <i>Mulā'im al-mushabbah bih</i> (ملايم المشبه به) |
|--|---|--|--------------------------------|---|---|--|
| حَالَةُ خَبَاءٍ أُفِيْمَتْ عَلَى خَمْسَةِ أَعْمِدَةٍ | حَالَةُ الْإِسْلَامِ مَعَ أَرْكَانِهِ الْخَمْسَةِ | حَالَةُ خَبَاءٍ أُفِيْمَتْ عَلَى خَمْسَةِ أَعْمِدَةٍ | الإِعْتِمَادُ عَلَى الْأَسَاسِ | إِسْنَادُ لَأَرْمِ الْمُشَبَّهِ بِهِ (بُنِيَ) إِلَى الْمُشَبَّهِ (الْإِسْلَامِ) | - | - |

Terjemahan Hadis:

Agama Islam itu ditegakkan di atas lima perkara, iaitu mengucap dua kalimah syahadah (شَهَادَةٌ) mendirikan sembahyang fardhu, mengeluarkan zakat fitrah dan lainnya, menunaikan haji ke baitillah dan berpuasa pada bulan Ramadhan.

Hadis bilangan 5

(Bab Haram Hasad, no. hadis 1778)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَبِيعَ حَاضِرٌ لِيَادٍ. وَلَا

تَنَاجَشُوا. وَلَا يَبِيعَ الرَّجُلُ عَلَى بَيْعِ أَخِيهِ. وَلَا يَخْطُبُ عَلَى خِطْبَةِ أَخِيهِ. وَلَا تَسْأَلُ الْمَرْأَةُ طَلَاقَ

أُخْتِهَا لِتَكْفَأَ مَا فِي إِيَّاهَا.

(Al-Bukhari no. hadis 2116. Muslim no. hadis 3412)

Al- 'Isti'ārah al-Tamthīliyyah dalam hadis:

وَلَا تَسْأَلِ الْمَرْأَةَ طَلَاقَ أُخْتِهَا لِتَكْفَأَ مَا فِي إِنْأَيْهَا

Ungkapan di atas mempunyai *al- 'Isticārah al-Tamthīliyyah* berasaskan kepada perumpamaan situasi yang dibuang, iaitu keadaan saudara perempuan yang berusaha supaya saudaranya diceraikan agar dia dapat berkahwin dengan iparnya dengan keadaan orang yang mengosongkan bekas air lalu dia meminum semua air yang dimasukkannya. Daripada contoh di atas dapat disimpulkan bahawa *al- 'Isticārah al-Tamthīliyyah* di atas tidak mempunyai *al-mushabbah*. Ia hanya mempunyai *al-mushabbah bih*. Jadual berikut menjelaskan unsur-unsur *al- 'Isticārah al-Tamthīliyyah* dalam hadis di atas secara terperinci (Al-Shari:f al-Radiyy: 53-54. Fadl Hasan °Abba:s: j.2, h.226).

Jadual 5:

| <i>Al-Musta'ār</i> (المستعَار) | <i>Al-Musta'ār lahu</i> (المستعَار لَهُ) | <i>Al-Musta'ār minh</i> (المستعَار مِنْهُ) | <i>Al-Jāmi'c</i> (الجامع) | <i>Al-Qarīnah</i> (القرينة) | <i>Mulā'im al-mushabbah</i> (مُلاَئِمِ الْمُشَبَّهِ) | <i>Mulā'im al-mushabbah bih</i> (مُلاَئِمِ الْمُشَبَّهِ بِهِ) |
|---|---|---|---|--------------------------------|---|--|
| حَالَةُ الشَّخْصِ الَّذِي يُقْلَبُ الْإِنَاءَ فَيَفْرُغُ مَا فِيهِ ثُمَّ يَأْكُلُهُ كُلَّهُ أَوْ يَشْرَبُهُ كُلَّهُ | حَالَةُ الْأُخْتِ الَّتِي تَعْمَلُ عَلَى طَلَاقِ أُخْتِهَا مِنْ رَوْجِهَا لِتَنْزَوِّجَ هِيَ بِهِ | حَالَةُ الشَّخْصِ الَّذِي يُقْلَبُ الْإِنَاءَ فَيَفْرُغُ مَا فِيهِ ثُمَّ يَأْكُلُهُ كُلَّهُ أَوْ يَشْرَبُهُ كُلَّهُ | مُنْتَزِعٌ مِنْ مُتَعَدِّدٍ فَجَامِعٌ لِلتَّشْبِيهِ الْأَوَّلِ (تَشْبِيهِ طَلَبِ التَّطْلِيقِ بِمُحَاوَلَةِ قَلْبِ الْإِنَاءِ) السَّيِّئَةُ وَاللَّيِّئَةُ (وَفُتُوحِ التَّطْلِيقِ بِإِفْرَاقِ الْإِنَاءِ) حُضُورُ الْفُرْصَةِ وَاللَّيِّئَاتِ (الرَّوْاجِ بَرُوجِ الْأُخْتِ بِأَكْلِ مَا فِي الْإِنَاءِ كُلِّهِ أَوْ شَرْبِهِ كُلِّهِ) الطَّمَعُ وَالْحَيَانَةُ. | قَرِينَةٌ حَالِيَّةٌ | - | - |

Terjemahan Hadis:

Hadis ini tidak terdapat di dalam kitab *Riyāḍ al- Ṣāliḥīn* terbitan JAKIM.

Analisis Terjemahan

Berasaskan terjemahan di atas didapati bahawa penterjemah menterjemahkan matan hadis-hadis di atas berdasarkan zahir nas tanpa menekankan aspek metafora *al- 'Isti'ārah al-Tamthīliyyah* dan tujuan perumpamaan itu dibuat. Ia boleh dikategorikan sebagai terjemahan harfiah/literal. Berdasarkan dapatan analisis dapat dilihat bahawa penterjemah cuba membuat huraian maksud dengan penambahan di dalam kurungan sebagaimana berikut:

1. (sebagai kemurahanNya menerima taubat) pada hadis Bilangan Satu.
2. (hubungan kaum kerabat), (tempat), (Allah), (Kalau kamu tidak mematuhi perintah) dan (orang yang melakukan perkara-perkara yang tersebut) pada hadis Bilangan Dua.
3. (daripada tempat kediamannya) dan (yang tidak diingini) pada hadis Bilangan Tiga.

Penulis bersetuju dengan kaedah yang digunakan penterjemah dalam menterjemahkan matan hadis di atas namun penulis berpandangan bahawa penterjemahan *al-'Isti'ārah al-Tamthīliyyah* dari bahasa sumber ke bahasa sasaran khususnya bahasa Arab ke bahasa Melayu perlu kepada penjelasan maksud dari sudut balaghah dengan menjelaskan tujuan perumpamaan itu dibuat agar para pembaca terjemahan tersebut dapat memahami dengan jelas maksud yang tersirat. Penjelasan tersebut boleh dijadikan sebagai nota kaki pada setiap terjemahan berkaitan.

Kesimpulan

Daripada dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa usaha menterjemah hadis-hadis yang mempunyai unsur perumpamaan khususnya *al-'Isti'ārah al-Tamthīliyyah* memerlukan kepada pemahaman yang mendalam terhadap hadis tersebut dari sudut balaghah. Ini kerana terjemahan perumpamaan khususnya *al-'Isti'ārah al-Tamthīliyyah* yang berkesan adalah terjemahan yang dapat menggambarkan makna yang tersirat. Selain itu, dapat dinyatakan di sini bahawa terjemahan yang baik dan berkesan memerlukan kepada proses penilaian dan suntingan pakar yang berkemahiran dalam bidang tersebut.

Penutup

Al-'Isti'ārah al-Tamthīliyyah merupakan gayabahasa ilmu *al-Bayān* yang mempunyai keindahan imaginasi dan kesempurnaan dari segi penyampaian maksud. Para sasterawan Arab memaparkan gayabahasa *al-'Isti'ārah* dalam prosa dan puisi mereka. Selain itu, ia juga dipaparkan dalam al-Quran dan hadis Rasulullah saw. Ia menggambarkan keindahan dan kesantunan bahasa Arab. Justeru itu nilai keindahan *al-'Isti'ārah al-Tamthīliyyah* perlu dijelmakan dalam terjemahan agar keindahan tersebut dapat dirasai dan difahami oleh pembaca bahasa sasaran.

Diharap kajian ini dapat menjelaskan kepentingan terjemahan *al-'Isti'ārah al-Tamthīliyyah* dalam hadis Rasulullah s.a.w selain menjadi asas kepada kajian lanjutan merangkumi kajian teks dan kajian lapangan.

Rujukan

- ‘Abd al-Fattāh Lāshīn 1985. *Al-Bayān Fī Ḍaw’Asālīb al-Qur’ān*. Kaherah : Dār al-Ma‘ārif.
- ‘Abd al-Qāhir Al-Jurjānī (t.t), *Dalā’il al-’Ijāz Fī ‘Ilm al-Ma‘ānī*. Beirut : Dār al- Kutub al-‘Ilmiyyah.
- ‘Abd al-Raḥmān Ḥasan al-Ḥabannakah al-Mīdānī, 1996. *Al-Balāghah al-‘Arabiyyah, ‘Ususuhā Wa ‘Ulūmuhā Wa Funūnuhā*. Damsyik : Dār al-Qalam, Beirut : Dār al-Shāmiyyah.
- ‘Abdullah, W. H., Abdul Rahim, M. M., & Borham, A. H. 2018. Amalan Penggunaan Metode Syarah Al-Hadith Dalam Pengajian Hadith Di Institusi Masjid Di Daerah Muallim Negeri Perak. *Journal Sains Humanika*, 10(3-4), 1-7. <https://doi.org/10.11113/sh.v10n3-4.1531>

- Abdullah Hasan dan Ainun Muhammad (1993), Kamus Peribahasa Lengkap, Terbitan Pertama, Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, h.xiii.
- Abd al-Muta'āl al-Ṣa'īdī (2000), *al-Balāghah al-ʿAliyah Fī ʿIlm al-Bayān*. Kaherah : Maktabah al-ʿĀdāb.
- Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī 2002. *ʿUlūm al-Balāghah, al-Bayān Wa al-Maʿānī Wa al-Badīʿ*, c.4. Beirut : Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Anhar, K., Lubis, M. H., & Rahimah 2020. Analisis Kesalahan Terjemahan Hadis-Hadis Kitab *al-Jāmiʿ* di dalam *Bulūgh al-Marām* Karya Moh. Machfuddin Aladip. *Journal Bahasa Arab*, 4(2), 347–368. <https://doi.org/10.29240/jba.v4i2.1899>
- Azri, A. Z., & Ahmad, M. 2020. Tinjauan Literatur Terjemahan Istilah dalam Teks Agama (Literatur Review Of Terms Translation In Religious Text). *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(4), 15–24.
- Badr al-Dīn ʿAbū Muḥammad Maḥmūd bin ʿAḥmad al-ʿAinī: (t.t.), *ʿUmdah al-Qāriʾ Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. t.t. : Dār al-Fikr.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin ʿIsmāʿīl ʿAbū ʿAbd ʿAllāh t.t. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut : Dār ʿIhyāʾ al-Turāth al-ʿArabī.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), Kamus Dewan, Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dīzīrah Saqāl 1997. *ʿIlm al-Bayān Bayna al-Naẓariyyāt Wa al-ʿUsūl*. Beirut : Dār al Fikr al-ʿArabiyy.
- Faḍl Ḥasan ʿAbbās 1997. *Al-Balāghah Funūnuhā wa Afnānuhā*, c.4. Yarmouk: Dār al- Furqān Li al-Nashr Wa al-Tawzīʿ.
- Ghāzī Yamūt (1995), *ʿIlm ʿAsālīb al-Bayān*, c.2. Beirut: Dār al-Fikr al-Lubnāniyy. ʿIbn Manzūr Jamāl al-Dīn Muhammad bin Mukram al-ʿAnsārī 1968. *Lisān al-ʿArab*. Beirut: Dār Ṣādir.
- Kamarulzaman 2011. Ketepatan Padanan Terjemahan Hadis Dalam Kitab Hadis 40 Karangan Imam Nawawi : Satu Analisis Bandingan. Master Thesis. Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM.
- Muḥammad Bīlū ʿAḥmad ʿAbū Bakr 1979. *Min Balāghah al-Sunnah*. Shāriʿ al-Sūq al-Tawfiqiyyah : Maṭbaʿah ʿAṭlas.
- Muḥammad bin ʿAllān Al-Ṣādiqī t.t. *Dalīl al-Fāliḥīn Li Ṭuruq Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*. Beirut : Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Maḥmudah, Q., Ansharil, R., & Ridwan, M. 2017. Kajian Terjemahan Penanda Kohensi Promina Dan Ideologi Penerjemahan Pada Hadits Arbaʾin Ke 31-40 Karya Ibnu Daqiq Alʿied Ke Dalam Bahasa Indonesia. *Journal Haluan Sastra Budaya*, 1(2), 185–209.
- Muslim bin Ḥajjāj ʿAbū al- Ḥusayn al-Qushayrī al-Naysābūriyy 1992. *Ṣaḥīḥ al-Muslim*. Beirut : Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Sakinah, N., Muhiden, M., & Alwee, M. 2017. Analisis Penulisan Hadis dalam Kitab Jawi: Kajian Terhadap Kitab *Bisharah al-ʿĀmilīn wa Naḍarah al-Ghāfilīn* Karya ʿAḥmad al-Faṭānī. *Journal Al-Basirah*, 7(1), 25–38.
- Samsudin, Saiful, Yusof, A. M., Abdullah, Hu., Mat Isa, H., & Quratuljannati 2015. Terjemahan Hadis Dalam Khutbah Jumaat Terbitan JAIS: Kajian Konsistensi Metode Terjemahan. *Persidangan Atarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017)*, 3, 741–755.
- Samsudin, Saifulah, Akmar, K., Zainal Abidin, S., & Ghazali, A. R. 2017. Terjemahan Kitab *Fiqh Al-Sīrah al-Būṭi* Analisis Pemilihan Perkataan Dan Struktur Ayat. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 2(6), 183–195.

- Shāfi^c al-Sayyid 1995. *Al-Ta^cbīr al-Bayānī Ru 'yah Balāghiyah Naqdiyyah*, c.4. Madinah Naṣr Kaherah : Dār al-Fikr al-^cArabiyy.
- Shahrulail, A., & Akil, M. 2018. Kualiti Hadith Dalam Kitab *Hidayah Al-Mukhtār* Serta Implikasi Terhadap Penyampaian Dakwah Kepada Masyarakat. *Maw'zah's Journal*, 1, 27–50.
- Zaki, M., Abdul, B., Arifin, A., & Sapar, B. 2013. Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Arab-Melayu Terhadap Teks “ Kasih dan Harapan ” , *The Online Journal Of Islamic Education*, 1(2), 1–9.